



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

MATRIKS PERAKAUNAN SOSIAL *SOCIAL ACCOUNTING MATRIX* **2019**

JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

MATRIKS PERAKAUNAN SOSIAL ***SOCIAL ACCOUNTING MATRIX*** **2019**

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Announcement

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development”.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel.	:	03-8885 7000
Faks	:	03-8888 9248
Portal	:	https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram / YouTube	:	StatsMalaysia
E-mel / E-mail	:	info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / <i>general enquiries</i>)
	:	data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / <i>data request & enquiries</i>)

Harga / Price : RM25.00

Diterbitkan pada Mei 2024 / *Published in May 2024*

Hakcipta terpelihara / All rights reserved.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”

ISSN 2600-7363



KATA PENGANTAR

Matriks Perakaunan Sosial (MPS) memaparkan statistik Matriks Perakaunan Sosial di Malaysia bagi tahun 2019 yang bertemakan agihan pendapatan. MPS merupakan rangka kerja yang komprehensif untuk menjejak aliran pusingan bagi pendapatan dan perbelanjaan dalam ekonomi dengan mengintegrasikan statistik ekonomi dan sosial. Penyusunan MPS adalah berdasarkan rangka kerja manual *System of National Accounts* 2008 dan *European System of Accounts* 2010.

Bahagian pertama penerbitan ini memaparkan penemuan utama, ringkasan penemuan dan rencana. Jadual perangkaan terperinci bagi matriks pada peringkat makro dan mikro disediakan di bahagian kedua. Bahagian ketiga menerangkan aspek teknikal seperti konsep, definisi, metodologi, sumber data dan klasifikasi yang digunakan dalam penyusunan data bagi memudahkan pengguna memahami statistik yang diterbitkan.

Struktur seimbang MPS merupakan input penting bagi menganalisis struktur agihan pendapatan dan perbelanjaan dalam analisis fiskal oleh penggubal polisi dan penyelidik bagi mengukur faktor-faktor keberkesanan pelaksanaan dasar yang mempengaruhi ekonomi negara.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama semua pihak dalam membekalkan data yang diperlukan dan menyumbang kepada kejayaan penerbitan ini. Sebarang maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Mei 2024

PREFACE

Social Accounting Matrix (SAM) presents statistics on Social Accounting Matrix in Malaysia for year 2019 with the theme of income distribution. SAM is a comprehensive framework to track the circular flow of income and expenditure in economy through integration of the economic and social statistics. The compilation of SAM followed the framework of the System of National Accounts 2008 and European System of Accounts 2010.

The first part of this publication features the main findings, summary of findings and box article. The detailed statistical matrix at macro and micro level are provided in the second part. The third part describes technical aspects related to concepts, definitions, methodology, data sources and classification used in the data compilations to assist users to understand the published statistics.

The balanced structure of the SAM is an important input for analyses the structure of income and expenditure distribution in fiscal analysis by policy makers and researchers to measure the effectiveness factors of policy implementation affecting the economy of the country.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) gratefully acknowledges the cooperation of all parties that have provided the required data and contributed to the success of this publication. Any feedback and suggestions towards improving the future publication are highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Chief Statistician Malaysia

May 2024

KANDUNGAN / CONTENTS

	Muka surat <i>Pages</i>
Kata pengantar <i>Preface</i>	i
Penemuan utama <i>Main findings</i>	1
Ringkasan penemuan <i>Summary of findings</i>	7
Rencana <i>Box article</i>	17
Jadual matriks <i>Matrix tables</i>	31
Jadual 1 : MPS Peringkat Makro 10 x 10, 2019 <i>Table 1 : SAM at Macro Level 10 x 10, 2019</i>	
Jadual 2 : MPS Peringkat Mikro 27 x 27, 2019 <i>Table 2 : SAM at Micro Level 27 x 27, 2019</i>	
Jadual 3 : MPS Peringkat Mikro 55 x 55, 2019 <i>Table 3 : SAM at Micro Level 55 x 55, 2019</i>	
Jadual 4 : Pampasan Pekerja 2014^f, 2015, 2019 <i>Table 4 : Compensation of Employees 2014^f, 2015, 2019</i>	
Jadual 5 : Pampasan Pekerja mengikut Etnik, 2019 <i>Table 5 : Compensation of Employees by Ethnic, 2019</i>	
Jadual 6 : Pampasan Pekerja mengikut Jantina, 2019 <i>Table 6 : Compensation of Employees by Gender, 2019</i>	
Nota teknikal <i>Technical notes</i>	63
• Konsep dan definisi <i>Concepts and definitions</i>	
• Penerangan sub matriks dan sumber data <i>Descriptions of sub matrices and data sources</i>	
• Metodologi <i>Methodology</i>	
Klasifikasi <i>Classification</i>	95

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

MATRIKS PERAKAUNAN SOSIAL 2019

OUTPUT / INPUT KASAR

RM3,464.2b

AKTIVITI PENGELUARAN



Pertanian

RM135.0b
3.9%



Perlombongan &
Pengkuarian

RM161.0b
4.7%



Pembuatan

RM1,407.4b
40.6%



Pembinaan

RM233.1b
6.7%



Perkhidmatan

RM1,527.7b
44.1%

PENDAPATAN / PEMBAYARAN FAKTOR

RM1,522.4b

FAKTOR PENGELUARAN

Pendapatan diterima dari domestik, **RM1,457.1b**

- Pampasan Pekerja : RM542.7b
- Lebihan Kendalian Kasar : RM914.4b

Pendapatan diterima dari luar negeri, **RM65.3b**

PENDAPATAN / PERBELANJAAN INSTITUSI

RM2,067.2b

INSTITUSI

Isi rumah mencatatkan sumbangan terbesar di antara institusi lain:



Isi rumah

RM989.2b
47.9%



Perbadanan kewangan &
bukan kewangan

RM829.9b
40.1%



Kerajaan

RM248.1b
12.0%

TABUNGAN / PELABURAN

RM364.7b

MODAL DISATUKAN

Perbadanan kewangan & bukan kewangan merekodkan tabungan tertinggi:



Isi rumah

RM16.7b
4.6%



Perbadanan kewangan &
bukan kewangan

RM334.0b
91.6%



Kerajaan

RM14.0b
3.8%

PEMBERIAN PEMBIAYAAN / PEMBIAYAAN

RM177.6b

PEMBIAYAAN

Perbadanan kewangan & bukan kewangan menyumbang pembiayaan tertinggi:



Isi rumah

RM65.1b
36.7%



Perbadanan kewangan &
bukan kewangan

RM71.6b
40.3%



Kerajaan

RM40.9b
23.0%

NEGARA LAIN DI DUNIA

RM1,244.5b

NEGARA LAIN DI DUNIA



Barangan dan perkhidmatan

RM987.5b
79.3%



Pendapatan dan pindahan

RM143.2b
11.5%




Modal

RM113.8b
9.2%

b : bilion
% : peratus sumbangan



PENDAPATAN / PERBELANJAAN MENGIKUT INSTITUSI BAGI NEGARA TERPILIH



Sumber : Pelbagai agensi statistik rasmi negara

Nota : Kanada (2000); Malaysia, Ghana, Mozambique, Afrika Selatan (2019); Filipina, Myanmar (2017); Indonesia (2016); Kenya, Zambia (2021)

AGIHAN PENDAPATAN ISI RUMAH 2019



b : bilion

% : peratus sumbangan

Sumber: Matriks Perakaunan Sosial 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



@StatsMalaysia



**BANCI 2024
PERTANIAN**
KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN



**MALAYSIA
MADANI**



PAMPASAN PEKERJA



Pampasan pekerja

2019: RM542.7b

2015: RM412.2b

Warganegara

2019: RM500.2b | 92.2%

2015: RM376.8b | 91.4%

Bukan warganegara

2019: RM42.5b | 7.8%

2015: RM35.4b | 8.6%

Strata



Bandar

2019: RM414.3b | 82.8%

2015: RM307.5b | 81.5%



Luar bandar

2019: RM85.9b | 17.2%

2015: RM69.3b | 18.5%

Jantina



Lelaki

2019: RM313.6b | 62.7%

2015: RM242.9b | 64.5%



Perempuan

2019: RM186.6b | 37.3%

2015: RM133.9b | 35.5%

Etnik



Bumiputera

2019: RM317.4b | 63.4%

2015: RM231.8b | 61.5%



Bukan bumiputera

2019: RM182.8b | 36.6%

2015: RM145.0b | 38.5%

Kategori Pendapatan



Tinggi

2019: RM124.2b | 24.8%

2015: RM94.1b | 25.0%



Sederhana

2019: RM213.3b | 42.7%

2015: RM159.2b | 42.2%



Rendah

2019: RM162.7b | 32.5%

2015: RM123.5b | 32.8%

b : bilion

% : peratus sumbangan

Sumber: Matrics Perakaunan Sosial 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

SOCIAL ACCOUNTING MATRIX 2019

PRODUCTION ACTIVITIES



GROSS
OUTPUT
/ INPUT

RM3,464.2b



Agriculture

RM135.0b
3.9%



Mining & Quarrying

RM161.0b
4.7%



Manufacturing

RM1,407.4b
40.6%



Construction

RM233.1b
6.7%



Services

RM1,527.7b
44.1%



FACTOR
INCOME /
PAYMENT

RM1,522.4b

FACTORS OF PRODUCTION

Income received from domestic, **RM1,457.1b**

- Compensation of Employees : RM542.7b
- Gross Operating Surplus : RM914.4b

Income received from abroad,
RM65.3b



INCOME /
EXPENDITURE
INSTITUTIONS

RM2,067.2b

INSTITUTIONS

Household registered the largest contribution among the institutions:



Household

RM989.2b
47.9%



Financial & non-financial corporations

RM829.9b
40.1%



Government

RM248.1b
12.0%



SAVINGS /
INVESTMENTS

RM364.7b

CONSOLIDATED CAPITAL

Financial & non-financial corporations recorded the highest saving:



Household

RM16.7b
4.6%



Financial & non-financial corporations

RM334.0b
91.6%



Government

RM14.0b
3.8%



LENDING /
FINANCING

RM177.6b

FINANCING

Financial & non-financial corporations contributed the highest financing:



Household

RM65.1b
36.7%



Financial & non-financial corporations

RM71.6b
40.3%



Government

RM40.9b
23.0%

REST OF THE WORLD



REST OF THE
WORLD

RM1,244.5b



Goods and services

RM987.5b
79.3%



Income and transfer

RM143.2b
11.5%




Capital

RM113.8b
9.2%

b : billion
% : percentage share


INCOME / EXPENDITURE BY INSTITUTION FOR SELECTED COUNTRIES



Sources : Various official national statistical agencies

Note : Canada (2000); Malaysia, Ghana, Mozambique, South Africa (2019); Philippines, Myanmar (2017); Indonesia (2016); Kenya, Zambia (2021)

DISTRIBUTION OF HOUSEHOLD INCOME AND EXPENDITURE 2019



b : billion
% : percentage share

Source: Social Accounting Matrix 2019, Department of Statistics Malaysia (DOSM)



COMPENSATION OF EMPLOYEES



Compensation of employees

2019: RM542.7b

2015: RM412.2b

Citizen

2019: RM500.2b | 92.2%
2015: RM376.8b | 91.4%

Non-Citizen

2019: RM42.5b | 7.8%
2015: RM35.4b | 8.6%

Strata



Urban

2019: RM414.3b | 82.8%
2015: RM307.5b | 81.5%



Rural

2019: RM85.9b | 17.2%
2015: RM69.3b | 18.5%

Gender



Male

2019: RM313.6b | 62.7%
2015: RM242.9b | 64.5%



Female

2019: RM186.6b | 37.3%
2015: RM133.9b | 35.5%

Ethnic



Bumiputera

2019: RM317.4b | 63.4%
2015: RM231.8b | 61.5%



Non-bumiputera

2019: RM182.8b | 36.6%
2015: RM145.0b | 38.5%

Income category



High

2019: RM124.2b | 24.8%
2015: RM94.1b | 25.0%



Medium

2019: RM213.3b | 42.7%
2015: RM159.2b | 42.2%



Low

2019: RM162.7b | 32.5%
2015: RM123.5b | 32.8%

b : billion
% : percentage share



RINGKASAN PENEMUAN ***SUMMARY OF FINDINGS***

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

RINGKASAN PENEMUAN

PENGENALAN


Matriks Perakaunan Sosial (MPS) di Malaysia bagi tahun 2019 mengintegrasikan statistik ekonomi dan sosial dalam satu rangka kerja yang komprehensif. MPS memerihalkan agihan pendapatan dan perbelanjaan dalam struktur yang seimbang bagi institusi iaitu isi rumah, perbadanan kewangan & bukan kewangan, kerajaan serta negara lain di dunia.

A. FAKTOR PENGELUARAN

Jumlah pendapatan yang diperolehi daripada faktor pengeluaran pada tahun 2019 adalah sebanyak RM1,522.4 bilion seperti di **Paparan 1**. Nilai pendapatan faktor disumbangkan oleh aktiviti pengeluaran domestik dan luar negeri. Penyumbang utama kepada pendapatan faktor adalah pendapatan daripada aktiviti pengeluaran domestik dengan nilai RM1,457.1 bilion (95.7%), sementara pendapatan faktor diterima dari luar negeri sebanyak RM65.3 bilion (4.3%).

Pembayaran faktor bagi faktor pengeluaran didominasi oleh pampasan pekerja & keuntungan perniagaan yang tidak diperbadankan diterima oleh isi rumah dengan nilai RM763.7 bilion (50.2%). Di samping itu, lebih kendalian mencatatkan RM653.9 bilion (42.9%) dan pendapatan dibayar ke luar negeri adalah RM104.8 bilion (6.9%).

Paparan 1: Faktor pengeluaran: Nilai dan peratus sumbangan



: Peratus sumbangan
b : bilion


B. ISI RUMAH

Sumber pendapatan isi rumah merangkumi pampasan pekerja & keuntungan perniagaan yang tidak diperbadankan, keuntungan teragih, pembiayaan isi rumah, faedah sosial dan bayaran berkala, pindahan semasa dan faedah sosial diterima dari luar negeri. Jumlah pendapatan isi rumah mencatatkan RM989.2 bilion pada tahun 2019, dengan pampasan pekerja & keuntungan perniagaan yang tidak diperbadankan merupakan penyumbang terbesar dengan nilai RM763.7 bilion (77.2%). Keuntungan teragih, pembiayaan isi rumah, faedah sosial dan bayaran berkala dan pindahan semasa masing-masing menyumbang sebanyak RM99.4 bilion (10.0%), RM65.1 bilion (6.6%), RM57.0 bilion (5.8%) dan RM4.0 bilion (0.4%) seperti di **Paparan 2**.

Manakala perbelanjaan isi rumah diterajui oleh penggunaan komoditi domestik dengan nilai RM852.3 bilion (86.1%). Penyumbang kedua terbesar adalah cukai pendapatan & cukai semasa lain yang dibayar oleh isi rumah sebanyak RM48.4 bilion (4.9%), diikuti penggunaan komoditi yang diimport RM36.4 bilion (3.7%), pendapatan bukan faktor dibayar ke luar negeri RM31.4 bilion (3.2%) serta tabungan isi rumah dan pindahan semasa RM20.7 bilion (2.1%).

Paparan 2: Pendapatan dan perbelanjaan isi rumah: Nilai dan peratus sumbangan


Jumlah Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2019: RM989.2b



b : bilion

Paparan 3: Agihan pendapatan isi rumah warganegara mengikut kategori pendapatan: Nilai dan peratus sumbangan

Jumlah Pendapatan Isi Rumah Warganegara 2019: RM950.1b



Jumlah pendapatan isi rumah bagi warganegara mencatatkan nilai RM950.1 bilion pada tahun 2019 di mana kategori pendapatan tinggi mencatatkan RM261.4 bilion, kategori pendapatan sederhana RM374.9 bilion dan kategori pendapatan rendah RM313.8 bilion. Pampasan pekerja & keuntungan perniagaan yang tidak diperbadankan merupakan pendapatan utama bagi semua kategori pendapatan isi rumah (**Paparan 3**). Keuntungan teragih merupakan pendapatan kedua terbesar yang diterima oleh kategori pendapatan tinggi dan kategori pendapatan sederhana dengan masing-masing menyumbang 14.2 peratus dan 10.1 peratus. Manakala kategori pendapatan rendah menerima faedah sosial & bayaran berkala dan pindahan semasa yang lebih tinggi iaitu 11.5 peratus berbanding dengan kategori pendapatan tinggi dan kategori pendapatan sederhana. Di samping itu, pembiayaan isi rumah bagi kategori pendapatan tinggi mencatatkan 11.8 peratus, kategori pendapatan sederhana menyumbang 6.3 peratus dan kategori pendapatan rendah menyumbang sebanyak 3.2 peratus.


C. PERBADANAN KEWANGAN & BUKAN KEWANGAN

Jumlah pendapatan perbadanan kewangan & bukan kewangan pada tahun 2019 merekodkan RM829.8 bilion dipacu oleh lebihan kendalian bernilai RM653.9 bilion (78.8%), diikuti pindahan semasa RM95.4 bilion (11.5%), pembiayaan korporat RM71.6 bilion (8.6%) dan pendapatan bukan faktor diterima dari luar negeri RM8.9 bilion (1.1%) seperti di **Paparan 4**.

Manakala, perbelanjaan bagi perbadanan kewangan & bukan kewangan meliputi tabungan korporat dengan nilai RM334.0 bilion (40.2%), pemberian pembiayaan RM177.6 bilion (21.4%) dan cukai korporat RM117.3 bilion (14.2%). Di samping itu, perbadanan kewangan & bukan kewangan menjana keuntungan teragih sebanyak RM99.4 bilion (12.0%), pindahan semasa RM95.4 bilion (11.5%) dan pendapatan bukan faktor dibayar ke luar negeri RM6.1 bilion (0.7%).

Paparan 4: Pendapatan dan perbelanjaan perbadanan: Nilai dan peratus sumbangan

Jumlah Pendapatan & Perbelanjaan Perbadanan 2019: RM829.8b



b : bilion

SUMMARY OF FINDINGS

INTRODUCTION


Social Accounting Matrix (SAM) of Malaysia for the year 2019 integrates the economic and social statistics in a comprehensive framework. SAM describes the distribution of income and expenditure in a balanced structure within institutions, namely households, financial & non-financial corporations, government as well as rest of the world.

A. FACTORS OF PRODUCTION

Total income received by factors of production in 2019 was RM1,522.4 billion as in **Exhibit 1**. The value of factor income was contributed by domestic production activities and abroad. The major contributor to the factor income was income from domestic production activities with a value of RM1,457.1 billion (95.7%), while factor income received from abroad was RM65.3 billion (4.3%).

The factor payments for factors of production was dominated by compensation of employees & unincorporated business profits received by households with a value of RM763.7 billion (50.2%). Meanwhile, operating surplus recorded RM653.9 billion (42.9%) and factor income paid to abroad was RM104.8 billion (6.9%).

Exhibit 1 : Factors of production : Value and percentage share



: Percentage share
b : billion


B. HOUSEHOLDS

The sources of household income incorporates compensation of employees & unincorporated business profits, distributed profits, household financing, social benefits & periodical payments, current transfers and social benefits received from abroad. The total household income recorded RM989.2 billion in 2019, with compensation of employees & unincorporated business profits as the main contributor with a value of RM763.7 billion (77.2%). Distributed profits, household financing, social benefits and periodical payments as well as current transfers contributed RM99.4 billion (10.0%), RM65.1 billion (6.6%) and RM57.0 billion (5.8%) respectively and RM4.0 billion (0.4%) as in **Exhibit 2**.

Meanwhile, the household expenditure was led by consumption on domestic with a value of RM852.3 billion (86.1%). The second contributor was income tax & other current taxes paid by household RM48.4 billion (4.9%), followed by consumption on imported commodities RM36.4 billion (3.7%), non-factor income paid to abroad RM31.4 billion (3.2%) as well as household saving and current transfers RM20.7 billion (2.1%).

Exhibit 2 : Household income and expenditure: Value and percentage share


Total Household Income and Expenditure 2019: RM989.2b



b : billion

Exhibit 3 : Distribution of household incomes for citizen by income category: Value and percentage share

Total Household Income for Citizen 2019: RM950.1b



Total household income for citizen was valued at RM950.1 billion, with the high income category registered RM261.4 billion, medium income category RM374.9 billion and low income category RM313.8 billion in 2019. The compensation of employees & unincorporated business profits constituted the primary income for households in all categories of income (**Exhibit 3**). Distributed profits was the second largest income received by high income category and medium income category with a contribution of 14.2 per cent and 10.1 per cent respectively. Meanwhile, low income category received higher social benefits & periodical payments and current transfers at 11.5 per cent as compared to high income category and medium income category. In addition, household financing for high income category recorded 11.8 per cent, medium income category contributed 6.3 per cent and low income category accounted for 3.2 per cent.


C. FINANCIAL & NON-FINANCIAL CORPORATIONS

Total income of financial & non-financial corporations amounted to RM829.8 billion in 2019 driven by operating surplus with RM653.9 billion (78.8%), followed by current transfers RM95.4 billion (11.5%), corporate financing RM71.6 billion (8.6%) and non-factor income received from abroad RM8.9 billion (1.1%) as in **Exhibit 4**.

Meanwhile, the financial & non-financial corporations expenditure includes corporate saving with a value of RM334.0 billion (40.2%), lending was RM177.6 billion (21.4%) and corporate tax was RM117.3 billion (14.2%). In addition, financial & non-financial corporations generated RM99.4 billion (12.0%) of distributed profits, current transfers RM95.4 billion (11.5%) and non-factor income paid to abroad RM6.1 billion (0.7%).

Exhibit 4 : Income and expenditure of corporations: Value and percentage share

Total Income and Expenditure of Corporations 2019: RM829.8b



b : billion

RENCANA
BOX ARTICLES



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

Kajian Awalan bagi Analisis Pengganda Pendapatan menggunakan Matriks Perakaunan Sosial Malaysia

¹Nurul Effa Farhana Halim and ²Kon Mee Hwa

¹Bahagian Perangkaan Akaun Negara, ²Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

PENGENALAN

Pembangunan ekonomi digambarkan sebagai perubahan dalam ekonomi negara yang melibatkan peningkatan kualitatif dan kuantitatif, yang membawa perubahan dalam struktur ekonomi, inovasi, institusi, tingkah laku dan teknologi. Ciri utama bagi pembangunan ekonomi tempatan adalah penekanan kepada pembangunan endogen dengan menggunakan potensi tempatan sumber manusia, institusi dan sumber bahan (Gasperova et al., 2017). Malaysia sama seperti negara-negara membangun lain yang mempunyai pelan pembangunan negara (Rancangan Malaysia) yang memberi penekanan kepada pemacu pertumbuhan ekonomi. Dalam bidang pembangunan dan perancangan ekonomi, analisis ekonomi digunakan secara meluas dan sangat membantu dalam menentukan sektor-sektor utama sebagai pemacu ekonomi. Sektor utama pemacu ekonomi sebelum ini lazimnya telah dikenalpasti berdasarkan dua pengukuran iaitu penghubung dan pengganda (Saari et al., 2017).

Analisis pengganda kebiasaannya digunakan dalam kajian oleh negara-negara maju. Artikel ini merupakan inisiatif awal untuk menjalankan analisis pengganda bagi ekonomi Malaysia menggunakan Matriks Perakaunan Sosial (MPS). MPS Malaysia adalah gambaran satu tahun aliran tahunan ekonomi dengan informasi yang lengkap, di mana mempunyai rangka kerja yang komprehensif dan menggambarkan sistem sosio-ekonomi Malaysia dengan mengintegrasikan statistik ekonomi dan sosial yang berguna untuk analisis ekonomi dan perumusan dasar nasional. MPS ini memperihalkan transaksi dan pindahan pendapatan dan perbelanjaan antara institusi dalam ekonomi, iaitu isi rumah, perbadanan kewangan dan bukan kewangan, kerajaan dan negara lain di dunia. Analisis pengganda merupakan kaedah yang digunakan untuk mengukur impak terhadap pertumbuhan ekonomi apabila berlaku perubahan dalam komponen permintaan akhir. Ia amat berguna untuk menganalisis pengagihan pendapatan dan kesan ekonomi daripada pelbagai aktiviti.

SOROTAN LITERATUR

Pengganda MPS adalah merupakan lanjutan daripada model input-output Leontief klasik. Round (2003) mengkaji rangka MPS dan menjelaskan bagaimana ia boleh digunakan bagi membina pengganda berasaskan MPS untuk menganalisis kesan dasar makroekonomi terhadap pengagihan dan kemiskinan. Menurut penulis, MPS menggambarkan satu set data makro-meso kepada ekonomi. Walau bagaimanapun, MPS memerlukan rangka kerja yang sesuai dan disokong oleh data kajian dan maklumat lain, yang mana signifikan dan berguna terhadap struktur sosio-ekonomi secara umum, terutamanya hubungan antara struktur pengeluaran dan pengagihan pendapatan.

Bekhet (2011) mengkaji berkaitan kejayaan atau kegagalan dasar pembangunan ekonomi Malaysia menggunakan indeks pengganda bagi tempoh 1982-2000. Kajian ini menggunakan model *Leontief Inverse* terhadap isi rumah bagi analisis pengganda output, pendapatan dan pekerjaan. Kajian ini merupakan analisis yang komprehensif memberikan maklumat yang bermanfaat kepada perancang negara bagi memahami perubahan industri. Hasil kajian mendapati bahawa pendapatan dan pekerjaan masih terdapat kebergantungan yang tinggi terhadap sektor utama seperti kelapa sawit, produk utama getah dan sektor perkayuan. Pengganda output dan pendapatan bagi sektor Pertanian juga masih berada paras yang lemah.

Selain itu, hubungan dan pengganda input-output digunakan secara meluas dalam mengenalpasti pemacu ekonomi (Saari et al., 2017). Hasil analisis bagi lima sektor secara agregat mendedahkan bahawa sektor Pembuatan adalah merupakan pemacu utama ekonomi pada sebelum ini. Para penulis mengesyorkan agar pemacu pertumbuhan ekonomi perlu dikenalpasti menggunakan pengukuran hubungan dan pengganda berdasarkan nilai ditambah serta memperluaskan metodologi sedia ada bagi sasaran polisi lain, seperti cukai, pekerjaan dan pendapatan.

Menurut Gasperova et al. (2017), pengganda pendapatan bagi sektor tertentu ditakrifkan sebagai jumlah nilai pendapatan pekerja yang diperlukan untuk memenuhi permintaan akhir tambahan selepas output bagi sektor tersebut. Hasil daripada analisis pengganda ini mewakili peningkatan keseluruhan pendapatan pekerja dalam ekonomi. Ini adalah pendapatan tambahan daripada pekerja, yang mana telah bekerja pada hasil pendapatan pengeluaran. Dengan kata lain, pengganda ini menunjukkan pendapatan pekerja yang dihasilkan di pelbagai sektor ekonomi meningkat disebabkan oleh perubahan dalam aktiviti ekonomi tertentu.

METODOLOGI

A. Sumber Data

Sumber data yang digunakan untuk kajian ini adalah set data daripada MPS Malaysia, di mana statistik terkini adalah bagi tahun rujukan 2019. Penyusunan statistik ekonomi negara yang komprehensif mengenai SAM telah menerima pakai berdasarkan cadangan manual *System National Account* (SNA) 2008 dan *European System of Accounts* 2010.

B. Analisis Pengganda Pendaptan

Terdapat pelbagai jenis pengganda dalam analisis input-output yang boleh digunakan dalam menganggarkan kesan perubahan eksogen pengguna akhir ke atas output industri (dan produk) dalam ekonomi; nilai ditambah kasar dan pendapatan yang diterima oleh isi rumah; dan pekerjaan. Salah satu pengganda yang sering digunakan adalah pengganda output, yang mana mengukur perubahan keseluruhan dalam keluaran ekonomi yang terhasil daripada perubahan dalam permintaan akhir bagi industri tertentu. Kaedah yang digunakan untuk analisis pengganda ini berdasarkan rangka kerja input-output (IO) Leontief. Walau bagaimanapun, kajian ini menggunakan pendekatan MPS. Pendekatan MPS memperluaskan rangka kerja IO dengan menggabungkan maklumat tambahan mengenai pengagihan pendapatan dan perbelanjaan dalam kalangan pelbagai institusi.

Analisis pengganda pendapatan menilai kesan perubahan pendapatan bagi industri tertentu terhadap keseluruhan ekonomi. Ia mengukur nisbah perubahan pendapatan bagi semua industri dengan mengambil kira kesan secara langsung dan tidak langsung, kepada perubahan dalam pendapatan. Ini memberikan pandangan berkaitan bagaimana perubahan pendapatan dalam sesebuah sektor mempengaruhi pelbagai sektor lain dan menyumbang kepada keseluruhan aktiviti ekonomi.


Dalam kajian ini, penulis menggunakan pampasan pekerja, sebagai proksi bagi pendapatan isi rumah, dengan menganggarkan bahawa perubahan dalam pampasan pekerja menggambarkan perubahan dalam pendapatan isi rumah secara keseluruhan. Ia merangkumi pelbagai pekerja, termasuk pekerja dalam pelbagai industri dan sektor. Pampasan pekerja menyumbang hampir 60 peratus kepada keseluruhan pendapatan isi rumah, yang mencerminkan peranan penting gaji dan upah dalam pendapatan yang diperoleh oleh isi rumah. Penting untuk ditekankan bahawa analisis pengganda pendapatan dalam kajian ini berkaitan pendapatan isi rumah, yang memberi tumpuan kepada warganegara mengikut kategori strata, tanpa mengambil kira bilangan individu yang bekerja.

Analisis ini menggunakan matrik *Leontief inverse*, di mana *Leontief inverse* menunjukkan pekali (pengganda ekonomi) yang mengukur kesan berterusan terhadap ekonomi hasil daripada peningkatan awal dalam output aktiviti pengeluaran. Model *Leontief* pada dasarnya adalah model yang didorong oleh permintaan, di mana permintaan akhir eksogen menentukan pemboleh ubah output dan penawaran, seperti nilai ditambah dan import (Gasperova et. At, 2017). Matriks *Leontief Inverse* turut boleh digunakan untuk tujuan analisis terhadap kesan pengganda yang lain. Sebagai contoh, pengganda output, pengganda nilai ditambah, pengganda import, pengganda intensiti tenaga dan pengganda lebihan kendalian kasar dengan menggunakan pendekatan input-output

HASIL KAJIAN

Bagi tujuan analisis, penemuan tersebut memberi tumpuan kepada asas sektor, yang menggabungkan 33 aktiviti pengeluaran. Aktiviti pengeluaran terdiri daripada 5 sektor utama, iaitu sektor Pertanian, Pertambangan dan Kuari, Pembuatan, Pembinaan, serta Perkhidmatan. **Jadual 1** menunjukkan perbandingan pengganda pampasan isi rumah mengikut strata.

Jadual 1: Pengganda Pendapatan mengikut Strata dan Sektor, 2019



Berdasarkan hasil pengganda pendapatan, ini menunjukkan perubahan jumlah pendapatan bagi isi rumah hasil kesan daripada perubahan satu unit dalam permintaan akhir, yang mungkin mempengaruhi pendapatan isi rumah bagi aktiviti pengeluaran tertentu. Hasil kajian mendapati bahawa pengganda pendapatan tertinggi di kawasan bandar untuk tahun 2019 adalah sektor Perkhidmatan, dengan nilai 0.530. Ini menunjukkan bahawa setiap peningkatan RM1 dalam komponen permintaan akhir bagi sektor Perkhidmatan di kawasan bandar, pendapatan isi rumah akan dijana sebanyak RM0.530. Kesan ini disumbangkan oleh aktiviti Perkhidmatan Kewangan dan aktiviti Perkhidmatan Perniagaan.

Walau bagaimanapun, pendapatan isi rumah di kawasan luar bandar didominasi oleh sektor Pertanian, yang merekodkan nilai 0.125. Ini menunjukkan bahawa setiap peningkatan RM1 dalam komponen permintaan akhir bagi sektor Pertanian di kawasan luar bandar, pendapatan isi rumah akan dijana sebanyak RM0.125. Kesan ini disumbangkan oleh aktiviti Perhutanan dan pembalakan serta aktiviti Pengeluaran tanaman dan ternakan.

Berdasarkan kepada analisis bagi sub-sektor Pembinaan, sub-sektor Aktiviti pembinaan pertukangan khas merekodkan pengganda pendapatan tertinggi di kawasan bandar, manakala di kawasan luar bandar adalah aktiviti Kejuruteraan Awam. Sementara itu, aktiviti Perlombongan bijih besi merekodkan pengganda pendapatan tertinggi di kawasan bandar bagi sektor Perlombongan dan pengkuarian. Di kawasan luar bandar, aktiviti Perlombongan dan pengkuarian lain merekodkan pengganda pendapatan tertinggi untuk sektor Perlombongan dan pengkuarian lain.

Bagi sektor Pembuatan, penyumbang terbesar kepada pendapatan isi rumah di kawasan bandar adalah aktiviti Produk kayu, perabot, kertas dan percetakan serta aktiviti Produk tekstil, pakaian dan kulit. Sementara itu, di kawasan luar bandar, pendapatan tertinggi diperoleh dari aktiviti Produk Makanan serta Produk kayu, perabot, kertas dan percetakan.

Jadual 2: Pengganda Pendapatan mengikut Strata dan Aktiviti Pengeluaran, 2019

Sektor	Aktiviti Pengeluaran	Bandar	Luar Bandar
Pertanian	Pengeluaran tanaman dan ternakan	0.313	0.128
	Perhutanan dan pembalakan	0.316	0.082
	Perikanan dan akuakultur	0.309	0.084
Perlombongan & Pengkuarian	Pengekstrakan minyak mentah dan gas asli	0.326	0.062
	Perlombongan bijih besi	0.487	0.074
	Pengkuarian batu, pasir dan tanah liat	0.358	0.091
	Perlombongan dan pengkuarian lain	0.380	0.147
Pembuatan	Produk makanan	0.333	0.089
	Minuman dan produk tembakau	0.349	0.077
	Produk tekstil, pakaian dan kulit	0.384	0.071
	Produk kayu, perabot, kertas dan percetakan	0.455	0.084
	Produk petroleum kimia, getah dan plastik	0.303	0.059
	Produk mineral bukan logam & logam asas dan produk logam yang direka	0.360	0.065
	Produk elektrik, elektronik dan optikal	0.343	0.060
	Peralatan pengangkutan dan pembuatan lain	0.299	0.054
Pembinaan	Pembinaan bangunan	0.484	0.100
	Kejuruteraan awam	0.470	0.105
	Aktiviti pembinaan pertukangan khas	0.491	0.088

Jadual 2: Pengganda Pendapatan mengikut Strata dan Aktiviti Pengeluaran, 2019 (samb.)

Sektor	Aktiviti Pengeluaran	Bandar	Luar Bandar
Perkhidmatan	Utiliti	0.329	0.071
	Perdagangan borong dan runcit	0.444	0.095
	Makanan & minuman dan penginapan	0.454	0.095
	Pengangkutan dan penyimpanan	0.465	0.080
	Maklumat dan komunikasi	0.411	0.087
	Kewangan	0.543	0.075
	Hartanah	0.381	0.069
	Sewaan dan pajakan	0.439	0.070
	Penyelidikan dan Pembangunan Saintifik	0.496	0.071
	Perkhidmatan perniagaan	0.539	0.093
	Institusi bukan keuntungan yang berkhidmat kepada isi rumah	0.510	0.099
	Aktiviti perkhidmatan lain	0.500	0.089

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Analisis penggandaan dapat memberikan pandangan awalan yang bermanfaat dalam mengenal pasti sektor pengeluaran dengan kesan penggandaan tertinggi. Analisis penggandaan pendapatan memaparkan saling kebergantungan pelbagai sektor yang berbeza di dalam ekonomi. Perubahan pendapatan dalam industri tertentu boleh memberi kesan bergelombang melalui industri yang berkaitan, yang mana akan mencipta kesan penggandaan dan sekaligus memberi impak terhadap aktiviti ekonomi keseluruhan. Peningkatan pengeluaran dalam sektor-sektor penggandaan tinggi boleh menghasilkan pendapatan isi rumah yang lebih tinggi, sebagai lonjakan awalan dalam aliran pendapatan dalam ekonomi dan memberi faedah kepada pekerja dan perniagaan di pelbagai industri. Aktiviti pengeluaran dalam setiap sektor mencipta peluang pekerjaan bagi isi rumah, secara tidak langsung memacu ekonomi negara. Ini disebabkan oleh, bahan mentah dan tenaga buruh adalah diperlukan dalam proses menghasilkan produk akhir untuk pengguna, secara tidak langsung akan menjana pendapatan isi rumah.

Kajian penggandaan seperti ini boleh dipertingkatkan dan digalakkan untuk dilaksanakan dalam kajian akan datang, sama ada dengan menggunakan kaedah yang sama atau kaedah lain untuk mengukur kesan kepada ekonomi negara. Kajian-kajian yang bermanfaat seperti ini amat berguna kepada pembuat dasar untuk menilai inisiatif dasar dan merumuskan senario dasar masa depan yang agar dapat membantu mengurangkan kesan sampingan yang merugikan pertumbuhan ekonomi. Ini membolehkan dalam memberikan nilai kepada negara dengan cara yang lebih cekap. Hasil analisis komprehensif pengganda ini juga akan memberi manfaat kepada pembangunan negara secara langsung dan tidak langsung.

PENAFIAN

Artikel ini merupakan inisiatif penulis berdasarkan kajian analisis pengganda menggunakan MPS yang dihasilkan oleh DOSM. Kandungan artikel ini ditulis berdasarkan pengiraan dan pandangan penulis yang diperoleh daripada kajian, ia tidak boleh ditafsir sebagai pandangan DOSM.

RUJUKAN

- Bekhet, H. A. (2011). Output, *Income and Employment Multipliers in Malaysian Economy: Input-Output Approach*. *International Business Research*, Vol. 4, No 1, pp.208 – 223
- DOSM. (2015). *Social Accounting Matrix 2015*. ISSN:2600-7363, Department of Statistics Malaysia (DOSM). Putrajaya, Malaysia.
- Gasperova, L., Mozuchova, L. and Rostasova, M. (2017). *Economic Impact and Multiplier effect of University on Economic Development of the Host Region*. University of Zilina, Slovakia.
- Saari, M. Y., Utit C., Hamid, N. A., Maji, I. K. & Hassan, A. (2017). *Identifying Drivers of the Malaysian Economy Using Policy-Relevant Measures*. *Malaysian Journal of Economic Studies*, 54(1), pp. 23-40

An initial study on Income Multiplier Analysis using Social Accounting Matrix Malaysia

¹Nurul Effa Farhana Halim and ²Kon Mee Hwa

¹National Account Statistics Division, ²Price, Income and Expenditure Statistics Division,
Department of Statistics Malaysia

INTRODUCTION

Economic development is described as a change in a country's economy involving qualitative as well as quantitative improvements, which brings changes in economic structure, innovation, institutions, behaviour and technology. The main feature of the local economy development is the emphasis on endogenous development using the local potential of human, institutional and material resources (Gasperova et al., 2017). Malaysia is similar to other developing countries which has a national development plan (Malaysia plan) that emphasis on accelerating economic growth. In the field of economic development and planning, economic analysis was widely used and very helpful in determining the key sectors of economic drivers. The key sectors of economic drivers were previously identified based on two commonly used measures of linkages and multipliers (Saari et al., 2017).

Multiplier analysis is commonly studied by developed countries. This paper is an initial initiative on conducting income multiplier analysis for Malaysia economy using the Social Accounting Matrix (SAM) based approach. SAM Malaysia provides a one-year snapshot of the economy's annual flows with detailed information, incorporating a comprehensive framework that delineates the socio-economic system of Malaysia by integrating economic and social statistics that useful for an economy analysis and the formulation of national policies. It captures the transactions and income transfers among all institutions in the economy, namely households, financial and non-financial corporations, government, and the rest of the world. Multiplier analysis is a tool used to gauge the economic growth impact resulting from changes in the final demand components. It is particularly useful for analyzing the income distribution and the economic impact of various activities.

LITERATURE REVIEW

SAM multiplier is an extension of the classical Leontief input-output model. Round (2003) studied on the framework of a SAM and explained how it can be used to construct SAM-based multipliers for analyzing the macroeconomic policy impacts on distribution and poverty. According to the author, SAM is a representation of a set of macro-meso data for an economy. However, suitably designed and supported by survey data and other information do suggest other significant and useful about socio-economic structure in general and the relationship between the structure of production and income distribution particularly.

Bekhet (2011) studied on the success or failure of Malaysia's economic development policies through the multiplier indices for the period 1982-2000. The study employed the Leontief inverse model, which is open with regard to household for multipliers of output, income, and employment. It is a comprehensive analysis that provides valuable information for national planners to understand industry changes. The findings of the study found that income and employment still a significant reliance on the primary sectors such as oil palm, rubber products and wood sectors. The output and income multipliers for the Agriculture sector also were still weak, despite the fact that the planning policies have produced some success.

In addition, input-output linkages and multipliers are widely used in identifying economic drivers (Saari et al., 2017). The analysis of five aggregated sectors revealed that the Manufacturing sector was considered to be the main driver for the economy previously. The authors recommend that economic growth drivers should be identified using the linkage and multiplier measures based on their value-added as well as to extend the methodologies provided for other policy targets, such as tax, employment and income.

According to Gasperova et al. (2017), the income multiplier of a particular sector is defined as the total value of employee income needed to satisfy the additional final demand unit after outputs of the sector. The results of this multiplier analysis represent the overall increase in employees' income in the economy. This additional income is earned by employees who were involved in the production of the generated revenue. In other words, the multiplier shows how much the income of employees across various sectors of the economy increases due to changes in specific economic activities.

METHODOLOGY

A. Data Source

The data source used for this study is dataset SAM Malaysia, where the latest set of statistics is for the reference year 2019. The compilation of comprehensive national economic statistics for the SAM has followed the guidelines of the System of National Accounts (SNA) 2008, and the European System of Accounts 2010.

B. Income Multiplier Analysis

There are various types of multipliers in Input-Output analysis that can be used in estimating the effects of the exogenous changes of final use on outputs of the industries (and products) in the economy; gross value-added (GVA) and income received by the households; and employment. One commonly used multiplier is the output multiplier, which measures the total change in output across the economy resulting from a change in final demand for a specific industry. The method employed for this multiplier analysis is based on Leontief's input-output (IO) framework. However, this study utilizes a SAM-based approach. The SAM approach extends the IO framework by incorporating additional information on the distribution of income and expenditures across different institutions.

The income multiplier analysis assesses the effect of changes in income for a particular industry on the overall economy. It quantifies the ratio of the total change in income, considering both direct and indirect effects across all industries, to the initial change in income. This provides insights into how a change in income in one sector affecting various other sectors and contributing to overall economic activity.


In this study also employed the compensation of employees (CE), serves as a proxy for household income, assuming that changes in CE reflect changes in overall household income. It covers a wide range of workers, including employees in various industries and sectors. CE often contributes almost 60 per cent to the overall household income, which proportion may reflect the significant role that wages and salaries play in the income earned by households. It's important to note that the income multiplier analysis in this study captures the household income, which focusing on citizen by category of strata, with ignoring the number of employed persons engaged.

Leontief inverse matrix has been applied in this analysis, where the matrix shows coefficients (economic multipliers) that measure consecutive effects on the economy as a result of the initial increase in output of production activity. The Leontief model is essentially a demand-driven model, where the exogenous final demand determines the output and supply variables, such as value added and imports (Gasperova et al., 2017). The Leontief inverse also can be used to analyse another multipliers' effect. For instance, output multiplier, value added multiplier, import multiplier, energy intensity multiplier and gross operating surplus multiplier by using the input-output approach.

FINDINGS OF ANALYSIS

